

ALL RISKS POLICY POLISI SEMUA RISIKO

HEAD OFFICE 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.
P+603 2034 9888 F +603 2694 5758, +603 2694 5759 Postal Address: P.O. Box 10122, 50704 Kuala Lumpur. mpigenerali.com

WEST MALAYSIA BRANCH OFFICES

ALOR SETAR 2nd Floor Unit 5A, No. 55, Bangunan Emum 55, Jalan Gangsa, Kawasan Perusahaan Mergong 2, 05150 Alor Setar, Kedah. P +6047357 007
F +604 735 7000

IPOH 63 & 65, Jalan Chung Thye Phin, 30250 Ipoh, P.O. Box 107, 30710 Ipoh, Perak. P +605 241 0396, +605 241 0988 F +605 241 6307

JOHOR BAHRU Unit 1903 & 1904, Level 19, City Plaza, Jalan Tebrau, 80300 Johor Bahru, Johor. P +607 268 7600, F +607 268 7666, +607 268 7668

KANGAR 2nd Floor, No. 366 Taman Mutiara, Jalan Kangar – Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis. P +604 979 3188, +604 979 3288
F +604 979 3588

KLANG No. 11B, 2nd Floor, Jalan Kelayang, Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor. P +603 3343 6898 F +603 3348 8828

KOTA BAHRU Lot 385, T/Blk 13, Jalan Jambatan Sultan Yahya Petra, Kg. Sireh, 15050 Kota Bharu, Kelantan. P +609 748 7697, +609 748 7779 F +609 748 1597

KUANTAN No. 3 & 5, Tingkat 2, Transit Point, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25000 Kuantan, Pahang. P +609 513 5288 F +609 513 3993

MELAKA No. 308, Jalan Melaka Raya 1, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. P +606 288 3818 F +606 283 2818

PENANG No. 41-01-01, 1st Floor, Wisma Prudential, Jalan Cantonment, 10250 Penang. P +604 2289 388 F +604 2289 088

EAST MALAYSIA BRANCH OFFICES

KOTA KINABALU Block B, Lot 1, 1st Floor, Jalan Lintas Highway, Lintas Jaya New Uptownship, 89500 Penampang, Sabah. P +6088 719 720, +6088 726 022,
+6088 727 209, F +6088 711 821

KUCHING Lot 584-586, 1st Floor, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aducci, 93150 Kuching Sarawak. P +6082 248 833, +6082 248 933
F +6082 428 633

SANDAKAN Lot 9, Block B, Utama Place, Mile 6, North Road, 90000 Sandakan, Sabah. P +6089 212 233 F +6089 222 173

SIBU No. 38, 1st Floor, Jalan Keranji, 96000 Sibu, Sarawak. P +6084 316 633 F +6084 318 933

A PERSONAL NOTE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Thank you for choosing MPI Generali Insurans Berhad as your preferred Insurer.

We are continuously seeking to upgrade our services and products. Therefore, to enable us to better understand your needs and expectations and to serve you better, we welcome you to provide us with your valuable feedback for improvement on any areas ranging from your product needs to your service expectations.

Kindly direct your suggestions / complaints directly to our Chief Executive Officer at our Head Office, 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

In instances when complaints remain unresolved and if such complaints involve financial services or products less than RM250,000 or involve motor third party property damage insurance claims less than RM10,000, you may refer the matter to:

Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as *Financial Mediation Bureau*)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Tel: +603 2272 2811
Fax: +603 2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

Notwithstanding the above, for enquiry or complaint if the complaint is not resolved, you may also refer the matter to:

BNMTELELINK
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Overseas: +603 2174 1717)
Fax: +603 2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my
Website: www.bnm.gov.my

Chief Executive Officer

NOTA PERIBADI DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Terima Kasih kerana memilih MPI Generali Insurans Berhad sebagai Syarikat Insurans pilihan anda.

Kami sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan produk kami. Dengan ini, supaya kami memahami dengan lebih mendalam keperluan dan jangkaan anda dan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik, kami mengalu-alukan maklum balas anda yang berharga supaya kami dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan jangkaan anda.

Sila kemukakan cadangan / aduan anda terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif di Ibu Pejabat kami di Tingkat 8, Menara Multi-Purpose, Capital Square 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Sekiranya aduan anda masih tidak diselesaikan, dan sekiranya aduan tersebut melibatkan perkhidmatan kewangan atau produk yang tidak melebihi RM250,000 atau mengenai tuntutan insurans bagi kerosakan harta benda pihak ketiga bagi motor yang tidak melebihi RM10,000, anda boleh ketengahkan aduan tersebut kepada:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dahulu dikenali sebagai *Biro Pengantaraan Kewangan*)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Tel: +603 2272 2811
Fax: +603 2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman Sesawang: www.ofs.org.my

Walaupun yang tertera di atas, untuk pertanyaan atau aduan jika aduan itu tidak diselesaikan, anda juga boleh merujuk perkara itu kepada:

BNMTELELINK
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Fax: +603 2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Sesawang: www.bnm.gov.my

Ketua Pegawai Eksekutif

MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

ALL RISKS POLICY

Note: You are requested to read this document carefully and keep it in a safe place. Please contact us if you need any clarification.

Whereas the Insured named in the Schedule hereto has made to the Company named in the said Schedule (hereinafter called the "Company") a written Proposal and Declaration which the Insured has agreed shall be deemed to be of a promissory nature and effect and the basis of this Contract and which is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the premium stated in the aforesaid Schedule as consideration for the indemnity hereinafter contained.

Now this Policy witnesses that if at any time during the Period of Insurance stated in the Schedule hereto or during any further period for which the Company may accept payment for the renewal of this Policy the Property Insured specified in the Schedule or any part thereof shall be lost or damaged by any accident or misfortune while the said Property is within the Territorial Limits set forth in the Schedule then the Company will subject to the Terms Exceptions and Conditions contained herein or endorsed hereon pay or make good to the Insured the amount of such loss or damage provided that the liability of the Company shall in no case exceed in respect of each Item the sum stated in the Schedule to be insured thereon or in the whole the Total Sum Insured hereby or such sum or sums as may be substituted therefore by endorsement hereon or attached hereto signed by or on behalf of the Company.

GENERAL EXCEPTIONS

This Policy does not cover

- (a) Loss or damage arising from wear and tear, depreciation, gradual deterioration, mildew, moth, vermin or in connection with any process of cleaning, dyeing, repairing, restoring or renovating any of the property hereby insured.
- (b) Loss or damage arising out of or in any way traceable to mechanical defects in or the mechanical derangement or breakage of watches, clocks, musical instruments, wireless sets, gramophones, typewriters, sewing machines, cameras, sports gear and the like.
- (c) Damage to travelling trunks, bags, boxes and other receptacles, other than total loss.
- (d) The scratching or denting of any article or cracking and/or breakage of glass, china, earthenware, marble, gramophone records and/or other articles of a brittle nature, unless caused by burglars, thieves and/or fire
- (e) Loss of or damage to deeds, bonds, bills of exchange, promissory notes, cheques, money, medals, coins, stamps or other documents of value.
- (f) Loss or damage arising out of earthquake, volcanic eruption, war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, strike, riot, civil commotion, military or usurped power or confiscation or destruction by order of any Government or Public Authority and in the event of any claim hereunder the Insured shall when so required by the Company prove that the claim loss and/or damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof, and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
- (g) Loss or damage to property when in transit as Unaccompanied Baggage shipped under a Bill of Lading, Parcel Receipt, Waybill or similar document.
- (h) Loss or damage to furs, watches, fountain pens, cigarette lighters, or cases, sunglasses, sports gear including camp kit, field glasses, guns, sticks, umbrellas, cameras projectors and accessories, jewellery, personal ornaments, gold and silver articles excepting only those items listed in the Schedule hereto.
- (i) Damage occasioned directly or indirectly by or through or in consequence of any act of terrorism.

For this purpose an act of terrorism means an act including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organisation(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public in fear

In any action, suit or other proceeding where the company alleges that by reason of the provisions of this exception any loss, destruction or damage is not covered by this insurance, the burden of proving that such loss, destruction or damage is covered shall be upon the Insured.

Provided always that the due observance and fulfillment of the Terms, Conditions and Endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.

GENERAL CONDITIONS

- (1) This insurance shall not commence until the Premium has been actually paid to and accepted by the Company and the Company's official acceptance letter or Policy has been issued; and no payment in respect of any premium shall be deemed to be payment to the Company unless a printed form of receipt signed by an official or duly authorised representative of the Company shall have been issued therefore.
- (2) All notices required to be given by the Insured to the Company must be in writing addressed to the Branch or Agency of the Company from which this Policy was issued, or to the Company's nearest representative if the Insured be abroad, and notice or knowledge of anything relating to this Policy or any claim hereunder shall not be deemed to be notice to or within the knowledge of the Company unless so given, and no alteration in the terms of this Policy, nor any endorsement thereon, will be held valid unless the same is signed or initialed by an authorised representative of the Company.
- (3) Upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy the Insured shall as soon as is practicable, but not later than 30 days after such event give notice thereof to the Company and shall furnish to the Company all such particulars and evidence documentary or otherwise as the Company may reasonably require and shall at once take all practicable steps for discovering and punishing any guilty person or persons and for the tracing and recovery of articles lost and for the minimising of damage.
- (4) If in any statement or declaration made in support of any claim under this Policy or if in the information given to the Company in respect thereof there shall be, by or on behalf of the Insured, any suppression or concealment or any untrue or fraudulent statement or any intentional exaggeration as regards the property or articles lost or damaged or the value or amount thereof or if any loss or damage be occasioned by or through the willful act or with the knowledge or connivance of the Insured or any relative residing with the Insured or any one acting on behalf of the Insured no claim shall be payable under this Policy.
- (5) The Company may reinstate repair or replace the property lost or damaged, as the case may be, instead of paying the amount of the lost or damage, and may join with any other insurers in so doing, in cases where the property is also insured elsewhere. Any salvage shall become the absolute property of the Company to dispose of as it may think fit for its own benefit, and the Insured shall give to the Company all reasonable assistance in taking possession of such salvage. Upon payment of any claim by the Company the amount of such claim shall be reckoned in diminution of the sum insured in respect of the particular item or items of property for which the claim is made. Where any insured item consists of articles in a pair or in a set, the Company shall not be liable to pay more than the value of any particular part or parts which may be lost or damaged without reference to any special value which such article or articles may have as a part of such pair or set, nor more than a proportionate part of the insured value of the pair or set.
- (6) If at the time of the happening of any loss or damage covered by this Policy there shall be subsisting any other insurance of any nature whatsoever covering the property insured or any part thereof whether effected by the Insured or not then the Company shall not be liable to pay or contribute more than its ratable proportion of such loss or damage, and upon the happening of any such loss or damage the insured shall forthwith give notice to the Company of all other insurances effected by the Insured or on the Insured's behalf covering the property or any part of the property insured under this Policy and no claim under this Policy shall be payable by the Company until such notice shall have been received by the Company.
- (7) The Company shall at any time by giving seven days notice to the Insured by Registered Letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to determine and cancel this Policy, provided that the Company shall in the event on demand return to the Insured a proportionate part of the premium corresponding to the unexpired period of insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Insured on seven days' notice to the Company and in such event the Insured shall be entitled to a return of the premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the current period of insurance.
- (8) If the property insured shall at the time of any event giving rise to a claim under this Policy be collectively of greater value than the sum insured thereon then the Insured shall be considered as being his own insurer for the difference and shall bear a ratable proportion of the loss accordingly. Each item of this Policy shall be separately subject to this Condition.
- (9) All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

If there is conflict or inconsistency between any of the contents of the document and the contents of a version of this same document issued or printed in any other language, the contents of this document issued and printed in English prevail.

MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

POLISI SEMUA RISIKO

Nota: Anda dikehendaki membaca dokumen ini dengan teliti dan menyimpannya di tempat yang selamat. Sila hubungi kami jika anda memerlukan apa-apa penjelasan.

Bahawasanya Pihak yang Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual ini dengan ini, telah mengemukakan kepada Syarikat yang dinamakan di dalam Jadual (selepas ini disebut sebagai "Syarikat") suatu Cadangan dan Pengisytiharan bertulis, yang dipersetujui oleh Pihak yang Diinsuranskan untuk dianggap sebagai bersifat perjanjian dan bertindak sebagai dan menjadi asas Kontrak ini dan yang disifatkan telah digabungkan ke dalam dokumen ini, dan telah membayar atau bersetuju membayar premium sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual ini, sebagai pertimbangan bagi tanggung rugi yang terkandung di dalam dokumen ini kemudian dari ini.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa, sekiranya pada bila-bila masa semasa Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama dokumen ini, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan, dengan Syarikat boleh bersetuju menerima pembayaran untuk pembaharuan Polisi ini dalam tempoh tersebut, Harta yang diinsuranskan menurut Jadual tersebut atau mana-mana bahagiannya hilang atau rosak, yang berlaku secara tidak sengaja atau akibat kejadian malang, semasa Harta tersebut masih berada di dalam Had wilayah yang ditetapkan di dalam Jadual tersebut, maka, tertakluk pada Terma, Pengecualian dan Syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini atau yang diendors ke atas polisi ini, Syarikat akan membayar atau menanggung rugi kepada Pihak Diinsuranskan amaun kehilangan atau kerosakan dengan syarat, liabiliti Syarikat berkaitan dengan setiap item, adalah sama sekali tidak melebihi jumlah wang yang dinyatakan di dalam Jadual yang diinsuranskan padanya, atau jumlah Amaun Total yang Diinsuranskan atau jumlah wang yang berkaitan atau jumlah wang yang dengan ini diinsuranskan yang mungkin digantikan melalui pengendorsan pada atau dilampirkan bersama-sama dokumen ini yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

PENGECUALIAN AM

Polisi ini tidak melindungi:

- (a) Kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan secara beransur-ansur, kulupuk, gegat, kutu perosak atau yang berkaitan dengan apa-apa proses pembersihan, pencelupan warna, pembaikan, pemulihan atau pengubahsuaian apa-apa harta yang diinsuranskan.
- (b) Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau dengan apa-apa cara yang boleh dikesan daripada kerosakan mekanikal dalam atau diakibatkan oleh kepincangan mekanikal atau pecahnya jam tangan, jam, alat muzik, set tanpa wayar, gramofon, mesin taip, mesin jahit, kamera, peralatan sukan dan seumpamanya.
- (c) Kerosakan kepada peti mengembara, beg, kotak dan bekas lain, selain kerugian yang sepenuhnya.
- (d) Apa-apa barang yang tercalar atau kemik atau retak dan/atau pecahnya gelas, tembikar, perkakas tanah, marmar, perakam gramofon dan/atau barang-barang yang mudah pecah, kecuali disebabkan oleh rompakan, kecurian dan/atau kebakaran.
- (e) Kerugian dan atau kerosakan kepada surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, duit, pingat, syiling, setem atau dokumen lain yang mempunyai nilai.
- (f) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan daripada gempa bumi, letusan gunung berapi, peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak), perang saudara, dahagi, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa atau perampasan atau pemusnahan atas perintah mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa dan sekiranya terdapat apa-apa tuntutan di bawah seksyen ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah, apabila dikehendaki oleh Syarikat, membuktikan bahawa tuntutan, kerugian dan/atau kerosakan yang timbul adalah berasingan daripada dan tidak boleh sesekali mempunyai kaitan dengan atau disebabkan oleh atau dikesan asalnya daripada mana-mana kejadian tersebut atau apa-apa akibatnya, dan sekiranya gagal membuktikan sedemikian, maka Syarikat tidak bertanggung jawab untuk membuat apa-apa pembayaran berhubung dengan tuntutan sedemikian.
- (g) Kerugian atau kerosakan kepada harta semasa dalam transit sebagai Bagasi Tanpa Iringan yang dihantar dengan menggunakan Bil Muatan, Penghantaran Bungkus, Waybill atau dokumen seumpamanya.

- (h) Kerugian atau kerosakan pada bulu binatang, jam, pen dakwat, pemetik api, atau bekasnya, cermin mata hitam, peralatan sukan, termasuklah peralatan khemah, teropong jauh, senapang, kayu, payung, projektor kamera dan aksesori, barang kemas, perhiasan peribadi, barang yang diperbuat daripada emas dan perak, melainkan hanya barang yang disenaraikan di dalam Jadual di dalam dokumen ini.
- (i) Kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung oleh atau melalui atau diakibatkan oleh apa-apa perbuatan pengganas.

Untuk maksud ini, perbuatan pengganas bermaksud sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terhad pada perbuatan memaksa atau yang kekejaman dan/atau yang ancamannya dilakukan oleh mana-mana orang-orang, sama ada seorang diri atau bagi pihak atau mempunyai kaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau maksud yang sama, termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menyebabkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding apabila syarikat mengatakan bahawa atas sebab peruntukan pengecualian ini, apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban untuk membuktikan bahawa kerugian, kemusnahan atau kerosakan itu dilindungi adalah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa, mematuhi dan memenuhi dengan sewajarnya akan Terma, Syarat dan Pengendorsan Polisi ini selagi polisi ini berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat mendahului bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.

SYARAT-SYARAT AM

- (1) Insurans ini tidak akan mula berkuat kuasa sehinggalah Premium sudah dibayar kepada dan diterima oleh Syarikat dan surat penerimaan rasmi Syarikat atau Polisi telah pun dikeluarkan; dan tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa premium disifatkan sebagai pembayaran kepada Syarikat melainkan resit bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau wakil yang dibenarkan daripada Syarikat telah dikeluarkan.
- (2) Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Cawangan Syarikat atau Ejen Syarikat yang mengeluarkan Polisi ini, atau wakil Syarikat yang paling hampir sekiranya Pihak Diinsuranskan berada di luar negara, dan notis atau pemberitahuan tentang apa-apa sahaja yang berkaitan dengan Polisi ini atau apa-apa tuntutan menurut dokumen ini tidak disifatkan sebagai notis kepada Syarikat atau dalam pengetahuan Syarikat melainkan diberikan sedemikian, dan tiada perubahan dalam terma Polisi ini, dan juga apa-apa pengendorsan padanya, akan dianggap sah melainkan perkara yang sama ditandatangani atau diterakan oleh wakil Syarikat yang dibenarkan.
- (3) Apabila berlakunya apa-apa kejadian yang menyebabkan timbulnya atau boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah secepat mungkin, tetapi tidak lebih dari 30 hari selepas kejadian itu, memberi notis mengenainya kepada Syarikat dan hendaklah memberikan selengkapnya semua butiran dan dokumen bukti atau selainnya seperti yang mungkin sewajarnya dikehendaki oleh Syarikat dan hendaklah dengan segera mengambil semua langkah yang boleh untuk mencari dan mendapatkan dan seterusnya mendenda mana-mana orang yang bersalah dan untuk mengesan dan mendapatkan semula barangan yang hilang dan untuk meminimumkan kerosakan.
- (4) Jika dalam apa-apa pernyataan atau pengakuan yang dibuat bagi menyokong apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini atau sekiranya dalam maklumat yang diberikan kepada Syarikat berhubung dengannya oleh atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya, terdapat di dalamnya apa-apa penyelindungan maklumat atau perahsiaan atau apa-apa pernyataan yang tidak benar atau palsu atau apa-apa yang fakta yang sengaja diperbesarkan berhubung dengan harta atau barangan yang hilang atau rosak atau berkaitan nilai atau amaunnya atau sekiranya apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui perbuatan yang disengajakan atau dengan pengetahuan atau dengan kerjasama Pihak Diinsuranskan secara diam-diam atau dilakukan oleh mana-mana saudara-mara yang tinggal bersama dengan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, maka tuntutan tidak akan dibayar di bawah Polisi ini.
- (5) Syarikat boleh mengembalikan semula atau membaiki atau menggantikan harta yang hilang atau rosak, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai ganti membayar amaun kerugian atau kerosakan, dan boleh bergabung dengan mana-mana penanggung insurans lain untuk berbuat demikian, sekiranya harta itu diinsuranskan dengan syarikat lain juga. Apa-apa salvaj hendaklah menjadi harta mutlak Syarikat untuk melupuskannya sebagaimana yang difikirkan wajar olehnya untuk manfaatnya, dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan kepada Syarikat segala bantuan yang sewajarnya dalam usaha mengambil milikan salvaj sedemikian. Apabila pembayaran tuntutan dibuat oleh Syarikat, amaun tuntutan itu hendaklah mengambil kira penyusutan bagi jumlah wang yang diinsuranskan berhubung dengan item tertentu itu atau item harta yang bahagian atau bahagian-bahagian tertentunya mungkin hilang atau rosak yang menyebabkan tuntutan itu dibuat. Jika apa-apa item yang diinsuranskan itu terdiri daripada barangan yang wujud berpasangan atau satu set, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada nilai bagi mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu yang mungkin hilang atau rosak tanpa merujuk apa-apa nilai khusus barangan atau barang-barang tersebut sebagai sebahagian daripada pasangan atau set, begitu juga tidak lebih daripada satu bahagian yang berkadaran bagi nilai yang diinsuranskan sebagai pasangan atau set.

- (6) Sekiranya pada bila-bila masa berlakunya kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini terdapatnya apa-apa insurans lain walau apa jenis pun yang turut melindungi harta yang dilindungi atau mana-mana bahagiannya sama ada dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan atau tidak, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbang lebih daripada sebahagian kerugian atau kerosakan itu mengikut kadar sewajarnya, dan apabila berlaku kerugian dan kerosakan sedemikian, Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta memberi notis kepada Syarikat mengenai semua insurans lain yang dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan atau bagi Pihak Diinsuranskan yang melindungi harta tersebut atau mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dan tuntutan di bawah Polisi ini tidak boleh dibayar oleh Syarikat sehinggalah notis sedemikian diterima oleh Syarikat.
- (7) Syarikat boleh, pada bila-bila masa, dengan memberi notis tujuh hari kepada Pihak Diinsuranskan melalui Surat Berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui oleh Syarikat, menamatkan Polisi ini, dengan syarat Syarikat hendaklah, sekiranya diminta, memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan, bahagian premium yang berkadaran bersamaan dengan tempoh insurans yang belum luput. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan dengan memberikan notis bertulis tujuh hari kepada Syarikat dan sekiranya berlaku sedemikian, Pihak Diinsuranskan berhak mendapat pemulangan premium selepas menolak premium pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh masa Polisi ini dikuatkuasakan semasa tempoh insurans digunakan.
- (8) Sekiranya Harta diinsuranskan pada masa berlakunya tuntutan di bawah Polisi ini, lama-kelamaan mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada jumlah yang diinsuranskan padanya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans dirinya sendiri bagi perbezaan nilai tersebut dan hendaklah menanggung bahagian kerugian mengikut kadar sewajarnya. Setiap item Polisi ini hendaklah secara berasingan tertakluk pada Syarat ini.
- (9) Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk pada keputusan Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, maka boleh melantik dua Penimbang Tara, yang boleh dilantik oleh setiap satu pihak dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diminta berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau sekiranya Penimbang Tara-Penimbang Tara itu tidak bersetuju, maka seorang Wasit hendaklah dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara-Penimbang Tara sebelum membuat apa-apa keputusan yang akan dirujuk. Wasit tersebut hendaklah duduk berbincang bersama-sama dan mempengerusikan mesyuarat dan Award yang dibuat hendaklah menjadi syarat yang mendahului terhadap apa-apa hak terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menafikan liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan tersebut tidak berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut dirujuk pada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini, maka tuntutan itu hendaklah bagi segala maksud, disifatkan sebagai telah digugurkan dan selepas itu tidak boleh diperoleh semula menurut dokumen ini.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarian di antara sebarang kandungan dokumen ini dengan kandungan dokumen yang sama dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris, kandungan dokumen yang dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

This page is left intentionally blank